



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير حالها والاعمال اكرمها والاسلام حبيبنا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

14 REJAB 1445H/ 26 JANUARI 2024M

KEWAJIPAN MEMBAYAR CUKAI, TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 26/01/2024

PEGAWAI PENYEMAK : MOHD. FADZLY BIN LUQMAN

Penolong Pengarah
Unit Pendidikan Dan Hal Ehwal Akademik
Bahagian Pendidikan
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 26/01/24

DIBACA PADA :

DILULUSKAN OLEH : ADAM BIN ABDUL HAJ

KETUA PENOLONG PENGARAH
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قَالُوا يَذَا الْقَرْنَيْنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ

خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾ (الكهف: 18):94

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ

وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَإِحْسَانَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT yakni dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala apa yang dilarang oleh-Nya. Khatib juga ingin menyeru agar kita perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW, mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat dan reda Allah SWT.

Pada hari jumaat yang penuh keberkatan ini, marilah kita hayati bersama khutbah yang bertajuk: **“Kewajipan Membayar Cukai , Tanggungjawab Bersama”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam mensyariatkan ibadah zakat sebagai solusi kepada permasalahan sosial masyarakat. Pengagihan harta kepada yang berhak, bukan Sahaja melepaskan golongan asnaf daripada rantai kemiskinan, bahkan ia juga dapat memastikan Kebajikan mereka terpelihara. Inilah sebahagian hikmah pensyariatan zakat terhadap ekonomi umat Islam.

Allah SWT berfirman seperti di permulaan khutbah :

قَالُوا يَا ذَا الْقُرْنَيْنِ إِنَّ يَا جُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ
خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾

Yang bermaksud : Mereka berkata: "Wahai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu sentiasa melakukan kerosakan di bumi, oleh itu, setujukah kiranya kami menentukan sejumlah bayaran kepadamu (dari hasil pendapatan kami), dengan syarat engkau membina sebuah tembok di antara kami dengan mereka?. (Surah al-Kahfi, ayat 94)

Dalam hal ini, Imam as-Syaukani menjelaskan maksud "al-kharaj" dalam ayat tersebut merupakan 'apa yang dikutip' oleh pemimpin. Begitu juga sebahagian daripada ulama kontemporari seperti **Syeikh Mahmud Syaltut** dalam *kitab al-Fatawa al-kubra*, **Syeikh Dr.Yusuf al-Qaradhawi** dalam *kitab Fiqh al-Zakat* dan **Syeikh Abu al-Ala al-Mawdudi** dalam karyanya *Nazariyat al-Islam*, mereka menjelaskan tentang keharusan sistem percukaian selain kewajiban ibadah zakat. Para ulama ini turut menjelaskan, bahawa intipati daripada ayat 94 dalam surah al-Kahfi tersebut, menjelaskan pemimpin dibolehkan menggumpul sumber pendapatan negara bagi memelihara kepentingan umum negara mahupun rakyat. Dalam erti kata yang lain, percukaian yang dilaksanakan Kerajaan kepada rakyat adalah wajar dan dibenarkan.

Mengimbas catatan sejarah, Kerajaan Islam sebelumnya pernah memperkenalkan sistem percukaian yang dikenali dengan perkataan "Jizyah". Sistem percukaian ini dikenakan kepada golongan bukan Islam agar mereka turut diberikan perlindungan dan penjagaan oleh pihak pemerintah. Selain daripada itu, sistem percukaian lain turut diperkenalkan dalam pemerintahan Khalifah Umar al-Khattab seperti percukaian tanah yakni "Kharaj", dan percukaian perdagangan juga

disebut "**Usyur**". Perkembangan sistem percukaian yang diperkenalkan itu beriringan dengan keperluan semasa ketika itu.

JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Menyentuh persoalan percukaian ini juga, Nabi kita Muhammad SAW pernah menjelaskan persoalan pengeluaran sebahagian harta seperti yang terakam dalam sebuah hadith daripada Fatimah binti Qays R.'Anha **yang bermaksud** : "*Sesungguhnya pada harta itu ada kewajipan (yakni hak untuk dikeluarkan) selain daripada Zakat*" (H.R at-Tirmizi).

Menerusi sabda Rasulullah SAW tersebut, terdapat komitmen lain selain mengeluarkan zakat yang perlu ditunaikan oleh setiap individu. Sesebuah kerajaan mempunyai hak untuk mewujudkan dasar percukaian yang menepati prinsip serta adil demi melestarikan kemakmuran negara. Justeru sebagai warganegara Malaysia yang prihatin, kita sebenarnya mempunyai tanggungjawab kepada negara melalui pembayaran cukai sama ada cukai pendapatan, perdagangan dan selainnya.

Cukai merupakan satu instrumen ekonomi yang amat penting bagi sesebuah negara memperolehi hasil pendapatan. Hasil daripada cukai inilah juga yang digunakan oleh kerajaan untuk mentadbir dan mengurus negara bagi perbelanjaan membangunkan negara dalam pembangunan infrastruktur seperti Sekolah, Hospital, Jalan raya atau bertujuan Pembangunan sosial seperti perkhidmatan Pendidikan, Kesihatan mahupun memperkasa kebajikan rakyat.

SIDANG JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Di negara ini, salah satu agensi yang melibatkan percukaian adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Melalui kutipan cukai perkhidmatan, duti import dan eksport, kerajaan telah dapat menyediakan pelbagai kemudahan di Pelabuhan dan lapangan terbang. Selain memungut cukai, agensi ini turut bertindak sebagai penguatkuasa dalam membanteras

segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan bagi memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi sepenuhnya.

Dengan adanya penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang, maka pertumbuhan ekonomi negara dapat dipertingkatkan dan yang lebih penting ianya dapat memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Maka oleh sebab itu, menjaga kestabilan ekonomi dan memelihara harta awam demi kemaslahatan ummah merupakan tuntutan yang perlu dipikul oleh setiap lapisan rakyat.

Sesungguhnya kitaran ekonomi yang positif, adil, saksama dan kondusif bukan sahaja akan menjadikan umat Islam sebagai umat yang berkemampuan serta berdaya saing, akan tetapi tuntutan Maqasid al-Syariah dalam memelihara harta juga turut terbela.

Justeru bersempena sambutan Hari Kastam Sedunia yang ke-42, mimbar ingin mengajak jamaah sekalian agar kita bersama-sama menjayakan sambutan ini dengan bersolidariti membasmi jenayah perdagangan, menolak amalan rasuah dan penyelewengan bagi membentuk persekitaran kondusif dan selamat dalam pembangunan ekonomi negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah minggu ini, khatib ingin menjelaskan bahawa :

Pertama : Kewajipan melaksanakan ibadah zakat adalah suatu perintah daripada Allah SWT. Di sebalik kewajipan menunaikan zakat, ianya mengandung hikmah demi kelangsungan ekonomi umat Islam sejagat. Manakala perbuatan membayar cukai pula sangat dituntut demi kemaslahatan negara dan masyarakat.

Kedua: Di dalam Islam, sesebuah Kerajaan mempunyai hak untuk mewujudkan dasar percukaian selagimana ianya menepati prinsip keadilan, tidak membebankan rakyat dan melestarikan kemakmuran negara. Dan;

Ketiga : Kewajiban membayar cukai adalah tanggungjawab semua rakyat. Jadilah masyarakat responsif agar Gagasan Malaysia Madani dan menoktahkan kemiskinan rakyat dapat direalisasikan.

Firman Allah SWT dalam surah ali-'Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Yang bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

تک س خطه کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْاَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللّٰهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ اَمِنَةً مُّطْمَئِنِّتَةً، اِنَّكَ رَعُوْفٌ الرَّحِيْمُ.

اللّٰهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيْرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin Muslimat yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka. Keluarkan mereka dari kesempitan dan kesulitan serta porak perandakan kepungan musuh yang menindas mereka.

Ya Aziz Ya Jabbar, terimalah yang gugur dari kalangan saudara kami sebagai golongan syuhada yang mulia di sisi-Mu, kurniakan kesembuhan yang jatuh sakit dikalangan mereka, kurniakan keafiatan pada yang cedera.

Ya Allah, sesungguhnya kami meyakini engkau sentiasa Bersama mereka, maka hindarkan mereka daripada mara bahaya musuh yang sentiasa menentang mereka, hukumlah zionis yahudi yang melampaui batas yang melakukan kezaliman terhadap saudara kami tanpa kasihan belas. Musnahkanlah segala kekuatan yang mereka miliki, kerana mereka memang tidak berupaya melawan dan melemahkan kekuatan dan kekuasaan-Mu.

Ya Qawiyy wa Ya Qahhar, Engkau cerai beraikan ikatan antara mereka, porak perandakan kesatuan mereka serta gagalkanlah segala tipu daya serta perancangan jahat mereka khususnya puak zionis yahudi dan konco-konco yang membantu mereka.

Ya Rahman wa Ya Rahim, bantulah kami Umat Nabi Muhammad, Perbaiki serta Rahmatilah Umat Nabi Muhammad, Engkau pimpinlah dan bimbinglah kami ke jalan yang lurus yakni jalan yang engkau redai.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522127 / jheains.penerbitan@gmail.com